

WIRA EMAS



TEMPAH NAMA DALAM SAMBO: Atlet sambo negara Muhammad Nazri Sutari meraikan kejayaannya dalam kategori kombat bawah 82 kilogram di Clark. Ini merupakan pingat emas pertama Singapura dalam penampilan sulung sukan sambo di Sukan SEA ini. - Foto REUTERS



PEDEKAR NEGARA: Pesilat Muhammad Hazim Mohd Yusli merangkul pingat emas dalam acara tanding kelas 'B' lelaki dalam penampilan sulungnya di temasya sukan ini. - Foto BH oleh DYAN TJHIA



CATAT SEJARAH: Srikandi lawan pedang negara Kiria Tikanah Abdul Rahman (kiri) berjaya meraih pingat emas dalam acara epee perseorangan wanita di Sukan SEA, menjadikannya atlet wanita pertama mencapai kejayaan itu sejak 1989. - Foto REUTERS

RATU FLOORBALL: Pasukan floorball wanita negara mempertahankan takhta kejuaraan mereka di Sukan SEA 2015 selepas berjaya mengalah Thailand 4-3 dalam perlawanan akhir. - Foto BH oleh MARK CHEONG



RENANG CEMERLANG: (Dari kiri) Kwartet Quah Zheng Wen, Lionel Khoo, Joseph Schooling dan Darren Chua selepas meraih pingat emas dalam acara medley berganti-ganti 4x100 meter lelaki. Sukan renang mengutip 23 pingat emas di Sukan SEA Filipina. - Foto LIANHE ZAOBAO